



SMK SEKSYEN 4 BANDAR KINRARA

Jalan Kinrara 5A, Bandar Kinrara,
47180 Puchong, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-80757273 / Faks : 80757315

Rujukan kami : SMKS4BK/06/01/06
Tarikh : 14 Jun 2012
24 Rejab 1433

Kepada,
Semua Ibu bapa/Penjaga yang dihormati.

Tuan/Puan,

MAKLUMAN AKTIVITI BULAN JUN HINGGA SEPTEMBER 2012

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. **KEJOHANAN SUKAN TAHUNAN KE -9**

Kejohanan Sukan Tahunan Sekolah ke-9 akan diadakan pada 24 Jun 2012 (Ahad). Para ibu bapa/penjaga dialu-alukan untuk hadir bagi memeriahkan lagi kejohanan ini.

3. **CUTI PERISTIWA SEKOLAH**

Sekolah akan bercuti pada 25 Jun 2012 (Isnin) sempena Kejohanan Sukan Tahunan.

4. **HARI TERBUKA**

Para ibu bapa/penjaga digalakkan hadir ke Hari Terbuka untuk berbincang mengenai perkembangan akademik anak-anak tuan-tuan dan puan-puan. Murid-murid dibenarkan pulang bersama dengan ibu bapa/penjaga selepas sesi perjumpaan dengan guru-guru kelas. Tarikh yang ditetapkan untuk perjumpaan ini ialah pada 29 Jun 2012 (Jumaat) mulai pukul 7.45 pagi hingga pukul 11.30 pagi di kelas masing-masing untuk sesi pagi. Sesi petang perjumpaan mulai pukul 2.30 petang hingga 5.30 petang.

5. **TAKLIMAT PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS)**

Satu taklimat khas berkaitan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi ibu bapa/penjaga murid-murid Tingkatan 1 tahun 2012 akan diadakan pada 29 Jun 2012. Satu surat siaran sekolah akan dikeluarkan.

6. **BULAN KECERGASAN**

Pelancaran Bulan Kecergasan akan diadakan pada 2 Julai 2012 (Isnin) di Tapak Perhimpunan Sekolah. Sempena 1Murid 1Sukan, acara Senamrobik 1Malaysia akan diadakan serentak di seluruh Malaysia. Pelbagai aktiviti sukan telah dirancang oleh pihak sekolah bagi menjaya dan memeriahkan bulan ini.

7. **HARI KOKURIKULUM**

Hari Kokurikulum akan diadakan pada 18 Julai 2012 (Rabu). Aktiviti yang akan dijalankan termasuk kawad formasi oleh unit beruniform serta penyampaian sijil penghargaan kepada murid-murid terpilih. Selain itu, bagi menggiatkan semangat keusahawanan dalam kalangan murid, jualan daripada persatuan, kelab dan unit beruniform turut diadakan. Murid-murid sesi petang akan datang ke sesi pagi. Persekolahan akan tamat pada pukul 1.05 tengahari.

8. **UJIAN BULAN OGOS**

Ujian Bulan Ogos akan bermula pada tarikh 8 Ogos 2012 (Rabu) hingga 17 Ogos 2012 (Jumaat). Ujian ini hanya melibatkan Tingkatan Peralihan, Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 4 sahaja.

9. **PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR**

Percubaan PMR tahun 2012 akan bermula pada 1 Ogos 2012 (Rabu) dan berakhir pada 9 Ogos 2012 (Khamis). Murid-murid Tingkatan 3 perlu bersiap sedia sepenuhnya bagi menghadapi peperiksaan ini. Selamat Maju Jaya diucapkan. Tarikh ini tertakluk kepada pindaan oleh Jabatan Pelajaran Negeri.

10. **CUTI AM NUZUL QURAN**

Cuti Am sempena Nuzul Quran pada tarikh 6 Ogos 2012 (Isnin) merupakan hari cuti sekolah.

11. **PELANCARAN BULAN KEMERDEKAAN**

Pelancaran Bulan Kemerdekaan ke-55 akan diadakan pada 16 Ogos 2012 (Khamis). Murid-murid akan disuntik semangat sayangkan negara melalui aktiviti yang telah dirancang oleh Panitia Sejarah.

12. **CUTI PERTENGAHAN PENGGAL KEDUA**

Cuti Pertengahan Penggal kedua bermula pada 18 Ogos 2012 hingga 26 Ogos 2012. Diucapkan "Selamat Menyambut Hari Raya" kepada semua guru, murid dan ibu bapa/penjaga yang beragama Islam, yang akan disambut pada 20 Ogos 2012 (Isnin) dan 21 Ogos 2012 (Selasa).

13. **TAKLIMAT SBP/MRSM**

Taklimat ini akan disampaikan oleh Kaunselor sekolah pada 27 dan 28 Ogos 2012 (Isnin dan Selasa)

14. **TAKLIMAT MATRIKULASI/TINGKATAN 6**

Taklimat ini akan disampaikan oleh Kaunselor Sekolah pada 29 dan 30 Ogos 2012 (Rabu dan Khamis).

15. **PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM**

Percubaan SPM bagi murid-murid Tingkatan 5 tahun 2012 telah ditetapkan mulai 29 Ogos 2012 (Rabu) hingga 21 September 2012 (Jumaat). Tarikh peperiksaan percubaan ini tertakluk kepada pindaan oleh Jabatan Pelajaran Negeri. Jadual Peperiksaan Percubaan akan dikeluarkan sebulan sebelum tarikh peperiksaan dijalankan.

16. **CUTI AM HARI KEMERDEKAAN**

Hari Kemerdekaan ke-55 tahun ini akan disambut pada 31 Ogos 2012 (Jumaat).

17. **TAKLIMAT IPTA/IPTS/BIASISWA**

Taklimat tersebut di atas akan disampaikan oleh Kaunselor Sekolah pada 11 dan 12 September 2012 (Selasa dan Rabu) kepada murid-murid Tingkatan 5 tahun 2012.

18. **TAKLIMAT SEKOLAH MENENGAH TEKNIK**

Taklimat kemasukan ke Sekolah Menengah Teknik akan disampaikan oleh Kaunselor Sekolah kepada murid-murid Tingkatan 3 tahun 2012 pada 13 dan 14 September 2012 (Khamis dan Jumaat).

19. **CUTI AM HARI MALAYSIA**

Satu hari Cuti Am pada 17 September 2012 (Isnin) sempena sambutan Hari Malaysia yang diraikan pada 16 September 2012 (Ahad).

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

.....
Kek Lee Beng
Pengetua,
SMK Seksyen 4 Bandar Kinrara.